



ANWAR Ibrahim ketika mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin syarikat terkemuka Amerika Syarikat di San Francisco, kelmarin bagi membincangkan peluang melebarkan pelaburan ke Malaysia. - IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

Malaysia bakal terima pelaburan besar AS

Dari muka 1

“Semua syarikat ini turut mengakui sistem politik yang stabil dan dasar yang jelas merupakan antara faktor penting yang menarik minat mereka untuk melabur di Malaysia.

“Saya juga menyatakan komitmen Malaysia untuk memberikan proses kelulusan pantas kepada semua pelabur dan ia jelas

menambah keyakinan kepada syarikat-syarikat ini,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Hadir sama dalam pertemuan itu adalah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan pegawai-pegawai kanan kera-

jaan.

Google pula diwakili oleh Presiden dan Ketua Pegawai Pelaburan yang juga merangkap Ketua Pegawai Kewangannya, Ruth Porat; Enovix Corporation diwakili Ketua Pegawai Operasinya, Ajay Marathe; Microsoft Asia oleh Presidennya, Ahmed Mazhari dan TikTok pula oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shou Zi Chew.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau turut menerima kunjungan hormat daripada Jim Coulter yang merupakan rakan Pengasas Pengerusi Eksekutif dan Pengarah TPG iaitu sebuah syarikat penguasaan aset alternatif utama global.

“Semoga pertemuan dengan kesemua syarikat gergasi ini dapat membawa manfaat kepada negara dan rakyat keseluruhannya, Insya-Allah,” katanya.